KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	642 Orang Asli masuk universiti tahun ini
PAUTAN	https://tinyurl.com/57ufkvmy

KOSMO!

TERKINI NEGARA HALAL NIAGA DUNIA SUKAN KAMPUS TEKNO REMAJA WANITA HIBGLAM CITA RASA PR NEWSWIRE



Ahmad Zahid ketika hadir Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat Kampung Orang Asli di Kampung Orang Asli Batu Peti, Rompin, hari ini. Foto oleh NOR AINNA HAMZAH

NEGARA

642 Orang Asli masuk universiti tahun ini – Ahmad Zahid

Oleh NOR AINNA HAMZAH 31 Julai 2026, 9:37 pm

JEMPOL – Seramai 642 pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) pada tahun ini, sekali gus membuktikan usaha memperkasa pendidikan masyarakat itu terus menunjukkan perkembangan positif.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, pelbagai inisiatif yang dilaksanakan kerajaan telah berjaya membuka lebih banyak peluang pendidikan kepada mereka.

Menurutnya, ketika beliau mula menerajui kementerian itu pada 2023 dengan sasaran awal ialah membawa 300 pelajar orang Asli ke universiti dan jumlah itu berjaya dicapai, sebelum meningkat kepada 500 pelajar pada tahun berikutnya.

"Tahun ini selepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya mencadangkan sasaran 500 pelajar orang Asli memasuki universiti, namun kita berjaya mencatatkan 642 pelajar.

"Saya mahu masyarakat orang Asli di Malaysia menjadi antara yang paling maju dari segi pendidikan di Asia Tenggara," katanya ketika berucap pada Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat Kampung orang Asli di Kampung orang Asli Batu Peti, Rompin, hari ini.

TERKINI

- 'Ejen haram' jual PLKS palsu tumpas, 8 warga asing ditahan — 3 Ogos 2026, 10:45 am
- Fadillah bakal jalani pembedahan pintasan jantung — 3 Ogos 2026, 10:42 am
- 'Ya Allah, mana suara aku ini? Setiap kali show, hilang' — 3 Ogos 2026, 10:39 am
- [VIDEO] Berang kena lampu tinggi, lelaki mengamuk libas parang — 3 Ogos 2026, 10:37 am
- EPL: Arteta belum puas hati — 3 Ogos 2026, 10:30 am
- Tergesa-gesa di roundabout, nak ke mana? — 3 Ogos 2026, 10:30 am
- BNPL tak salah, peminjam yang tak bijak — 3 Ogos 2026, 10:30 am
- Kreativiti pulihara, baik pulih bangunan berusia satu abad — 3 Ogos 2026, 10:27 am

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Zahid sasar Orang Asli jadi komuniti pribumi paling maju di Asia Tenggara
PAUTAN	https://tinyurl.com/4f49kwtz

Zahid sasar Orang Asli jadi komuniti pribumi paling maju di Asia Tenggara

Local | Politics 31 Jul 2026 • 5:26 PM MYT

Sinar Harian
Portal berita nombor 1 di Malaysia



Ahmad Zahid berucap ketika Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat Kampung Orang Asli di Kampung Orang Asli Batu Peti, Rompin pada Jumaat.

JEMPOL – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyasarkan masyarakat Orang Asli di Malaysia menjadi antara komuniti pribumi paling maju di Asia Tenggara menerusi penekanan terhadap pendidikan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata, usaha berkenaan menjadi keutamaan kementeriannya sejak beliau diamanahkan menerajui portfolio itu, termasuk memperkukuh kedudukan masyarakat Orang Asli melalui penambahbaikan dasar dan perundangan.

Menurutnya, pindaan terhadap Akta Orang Asli turut diusahakan bagi memastikan komuniti itu menerima lebih banyak manfaat dan bantuan daripada kerajaan.

"Kalau kita mahu melihat masyarakat Orang Asli maju, kita mesti memajukan mereka melalui pendidikan. Pada masa sama, kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan rumah yang lebih baik juga mesti disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat Kampung Orang Asli di Kampung Orang Asli Batu Peti, Rompin pada Jumaat.

Ahmad Zahid berkata, sasaran meningkatkan penyertaan pelajar Orang Asli ke institusi pengajian tinggi berjaya dicapai malah melepasi jangkaan setiap tahun.

Menurutnya, pada 2023 beliau menetapkan sasaran 300 pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian ke universiti dan jumlah itu berjaya direalisasikan.

"Pada 2024 saya cadangkan 400 orang, tetapi seramai 500 pelajar berjaya memasuki universiti. Bagi tahun 2026 pula, sasaran saya ialah 500 orang, namun seramai 642 pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Newswav
TAJUK	642 Orang Asli masuk universiti tahun ini
PAUTAN	https://tinyurl.com/y86vxxz9

642 Orang Asli masuk universiti tahun ini – Ahmad Zahid

Local | Politics | 31 Jul 2026 • 9:37 PM MYT

Kosmo Online
Hub berita berintegriti dan sensasi dalam dan luar negara.



JEMPOL – Seramai 642 pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) pada tahun ini, sekali gus membuktikan usaha memperkasa pendidikan masyarakat itu terus menunjukkan perkembangan positif.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, pelbagai inisiatif yang dilaksanakan kerajaan telah berjaya membuka lebih banyak peluang pendidikan kepada mereka.

Menurutnya, ketika beliau mula menerajui kementerian itu pada 2023 dengan sasaran awal ialah membawa 300 pelajar orang Asli ke universiti dan jumlah itu berjaya dicapai, sebelum meningkat kepada 500 pelajar pada tahun berikutnya.

"Tahun ini selepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya mencadangkan sasaran 500 pelajar orang Asli memasuki universiti, namun kita berjaya mencatatkan 642 pelajar.

"Saya mahu masyarakat orang Asli di Malaysia menjadi antara yang paling maju dari segi pendidikan di Asia Tenggara," katanya ketika berucap pada Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat Kampung orang Asli di Kampung orang Asli Batu Peti, Rompin, hari ini.

Menurutnya, kerajaan turut berusaha meminda akta berkaitan Orang Asli selain memperkukuh penyertaan pemimpin Orang Asli dalam pentadbiran kerajaan negeri termasuk cadangan mewujudkan lebih ramai pegawai khas Orang Asli. – KOSMO! ONLINE

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	The Merdeka Times
TAJUK	Walau kerajaan berubah, dasar MARA perlu kekal jaga kepentingan Bumiputera
PAUTAN	https://tinyurl.com/37n55v5x

TERKINI

Walau kerajaan berubah, dasar MARA perlu kekal jaga kepentingan Bumiputera – Ahmad Zahid

Published 3 days ago on July 31, 2026
By **Wartawan TMT**



Foto: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata dasar MARA tidak boleh diubah dengan sewenang-wenang setiap kali berlaku perubahan terhadap kerajaan yang memerintah negara ini.
- "Tukar pengerusi MARA, dasar pun tukar. Tukar menteri (yang menjaga kepentingan bumiputera), tukarlah dasar MARA. Kita tak mahu begitu.
- "Saya beritahu Dr Asyraf, kita akan bentangkan (pindaan Akta MARA 1966) di Dewan Rakyat pada akhir tahun ini dan kita akan dapatkan kelulusan dalam tempoh dua bulan," katanya.

TAMPIN — Dasar Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam menjaga dan melindungi kepentingan bumiputera perlu terus kekal walaupun berlaku perubahan terhadap tampuk kepimpinan negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata dasar MARA tidak boleh diubah dengan sewenang-wenang setiap kali berlaku perubahan terhadap kerajaan yang memerintah negara ini.

"Tukar pengerusi MARA, dasar pun tukar. Tukar menteri (yang menjaga kepentingan bumiputera), tukarlah dasar MARA. Kita tak mahu begitu.

"Mana pun kerajaan yang memerintah, mana pun menteri yang mengambil alih pentadbiran MARA di bawah kementeriannya, siapa juga yang menjadi pengerusi MARA, dasar MARA tetap diteruskan untuk menjaga kepentingan bumiputera," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Malaysia Tribunes
TAJUK	MARA policies must remain consistent
PAUTAN	https://tinyurl.com/y3xtpthb

MALAYSIAN TRIBUNE

MARA Policies Must Remain Consistent, Says DPM Zahid

- July 30, 2026
- » General

Kuala lumpur: The policy of Majlis Amanah Rakyat (MARA) in safeguarding and protecting Bumiputera interests must remain intact regardless of changes in the country's political leadership, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said today. He emphasized that MARA's policies should not be altered arbitrarily whenever there is a change of government.

According to BERNAMA News Agency, Ahmad Zahid expressed concerns that when the MARA chairman or the minister responsible for Bumiputera affairs changes, the policies often change as well. He stressed the importance of maintaining consistent policies to continue safeguarding the interests of the Bumiputera population. Ahmad Zahid made these remarks during a community engagement session at the Gemencheh Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Also present at the session were MARA chairman Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki and Community Development Department (KEMAS) director-general Datuk Mohd Hanafiah Man. Ahmad Zahid further stated the necessity of amending the MARA Act 1966 to ensure ongoing protection of Bumiputera interests. He mentioned plans to table amendments to the MARA Act in the Dewan Rakyat by the end of the year, anticipating approval within two months.

In addition, Ahmad Zahid called on parents to encourage their children residing outside Negeri Sembilan to return home to participate in the upcoming state election. He urged families to make the most of the available time to ensure their civic duties are fulfilled.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Malaysia Tribunes
TAJUK	MARA inks over 500 cooperation memoranda to expand graduates' job opportunities
PAUTAN	https://tinyurl.com/4zfzvfdc

MALAYSIAN TRIBUNE

GENERAL TRADING SCIENCE SELF CARE KEY ISSUES ENTERTAINMENT PRESS RELEASES

MARA Inks Over 500 Cooperation Memoranda To Expand Graduates' Job Opportunities

- July 30, 2026
- » General

Kuala lumpur: Majlis Amanah Rakyat (MARA) has signed over 500 memoranda of cooperation with industry players to widen job opportunities for GiatMARA and TVETMARA graduates. Deputy Minister of Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang announced this initiative, highlighting MARA's ongoing commitment to ensuring the employability of graduates from Technical and Vocational Education and Training (TVET) institutions under its purview.

According to BERNAMA News Agency, the current employability rate of graduates from MARA's TVET institutions stands at 99.2 per cent, as reported by the graduate tracking system under the Ministry of Higher Learning. Rubiah Wang shared these statistics during a question-and-answer session in Dewan Negara, responding to a supplementary question from Senator Datuk Seri Mohamad Zaini Salleh about efforts to ensure rural TVET graduates receive employment or entrepreneurship opportunities aligned with local industry needs.

The skills offered at each GiatMARA centre are tailored to meet community needs, local industries, and entrepreneurship potential. As an example, GiatMARA Miri in Sarawak collaborates with Berjaya Dockyard Sdn Bhd in Kuala Baram through a six-month training programme, providing participants with potential employment opportunities. Meanwhile, MARA's partnership with Samsung SDI focuses on the electrical and electronics as well as electric vehicle sectors, offering salaries ranging from RM3,500 to RM6,000 per month.

In Melaka, GiatMARA Jasin works with Apex Global Engineering Sdn Bhd on a special Zero to Hero programme in oil and gas welding, with participants potentially earning between RM3,000 and RM6,000 monthly. Rubiah emphasized that training at GiatMARA and TVETMARA is free, with plans to expand participation opportunities and increase allowances subject to government financial capacity.

Addressing an original question from Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana Perian on intensifying TVET outreach in rural and interior areas, Rubiah stated that MARA implements these programmes flexibly, targeting specific communities without geographical constraints. TVETMARA Bintulu, for instance, prioritizes rural and interior youth in Sarawak with courses in scaffolding, pipefitting, and work at height, focusing on the oil and gas industry.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Walau Kerajaan berubah, Dasar MARA perlu kekal jaga kepentingan Bumiputera
PAUTAN	https://tinyurl.com/3kspfrtv

AM

Walau Kerajaan Berubah, Dasar MARA Perlu Kekal Jaga Kepentingan Bumiputera - Ahmad Zahid

30/07/2026 06:38 PM



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan ucapan pada majlis Perasmian Sesi Libat Urus Bersama Pemimpin Masyarakat Negeri Sembilan Tahun 2026 di Maktab Rendah Sains Mara Gemenceh, hari ini. --fotoBERNAMA (2026)
HAK CIPTA TERPELIHARA

TAMPIN, 30 Julai (Bernama) -- Dasar Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam menjaga dan melindungi kepentingan bumiputera perlu terus kekal walaupun berlaku perubahan terhadap tampuk kepimpinan negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata dasar MARA tidak boleh diubah dengan sewenang-wenang setiap kali berlaku perubahan terhadap kerajaan yang memerintah negara ini.

"Tukar pengerusi MARA, dasar pun tukar. Tukar menteri (yang menjaga kepentingan bumiputera), tukarlah dasar MARA. Kita tak mahu begitu.

"Mana pun kerajaan yang memerintah, mana pun menteri yang mengambil alih pentadbiran MARA di bawah kementeriannya, siapa juga yang menjadi pengerusi MARA, dasar MARA tetap diteruskan untuk menjaga kepentingan bumiputera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi Libat Urus Pemimpin Masyarakat bersama Timbalan Perdana Menteri di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi MARA Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan Ketua Pengarah Jabatan kemajuan Masyarakat (KEMAS) Datuk Mohd Hanafiah Man.

Justeru, Ahmad Zahid berkata pindaan terhadap Akta MARA 1966 perlu dilakukan bagi memastikan kepentingan golongan bumiputera terus terpelihara.

"Kita tak boleh pakai akta yang lama, kita mesti tambah baik, kita mesti perbaiki, mesti ubah suai dan mesti tingkatkan.

"Saya beritahu Dr Asyraf, kita akan bentangkan (pindaan Akta MARA 1966) di Dewan Rakyat pada akhir tahun ini dan kita akan dapatkan kelulusan dalam tempoh dua bulan," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid turut menyeru ibu bapa supaya meminta anak-anak mereka yang tinggal di luar Negeri Sembilan untuk pulang ke kampung halaman bagi menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

KATA KUNCI

ahmad zahid hamidi | mara | kerajaan | akta | pindaan

BERITA BERKAITAN



Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia Akan Ditubuhkan Dalam Masa Terdekat- Lim

18minit lalu



Ahmad Zahid, Jemaah Menteri Ucap Tahniah Atas Pelantikan Ismail Lasim Sebagai MB

16jam lalu



Terbuka Taiwan 2026: Ahmad Zahid Ucap Tahniah Kepada Aaron-Tai, Pearly-Thinaah

17jam lalu

LAGI BERITA



Kerjasama BN Hadapi PRN Tidak Langgar Asas Pembentukan Kerajaan Perpaduan - Azalina

7minit lalu



Kelantan Berdepan Risiko Kebakaran Lebih Tinggi Susulan Super El Nino - JBPM

13minit lalu



Red Box Karaoke Malaysia Buka Cawangan Baharu Di Tarcor Park, Melaka

13minit lalu

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH


KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	SMART hopes to retain International Heavy USAR status
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdhc2mzn

GENERAL

SMART Hopes To Retain International Heavy USAR Status

01/08/2026 12:19 PM



KUALA LUMPUR, Aug 1 (Bernama) -- The Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team (SMART) is expected to continue its success by securing recertification as a Heavy Urban Search and Rescue (Heavy USAR) team.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the recognition through the International Search and Rescue Advisory Group (INSARAG) External Reclassification (IER) would further strengthen the team's international standing while enhancing Malaysia's reputation on the global stage.

He said SMART's efficiency, discipline and teamwork not only inspire public confidence but also make the nation proud through its humanitarian and disaster relief missions internationally.

"As Chairman of the National Disaster Management Committee, I deeply appreciate SMART's role as one of the main pillars in strengthening the country's preparedness to face any disaster," he said in a Facebook post today in conjunction with SMART's 31st anniversary.

He also expressed his highest appreciation and congratulations to all SMART personnel for their unwavering commitment and dedication in carrying out their responsibilities both at home and abroad.

He said SMART continues to demonstrate Malaysia's capability as a world-class search and rescue team and remains a key pillar in enhancing the country's disaster preparedness.

"In every disaster, every second of search and rescue counts in saving lives. Behind every successful mission lies the courage, determination and sacrifice of personnel who consistently place the safety of victims above their own interests.

"These are the values that have been the foundation of SMART's strength since its establishment," he said.

Using the call sign MAS-1, SMART became the second rescue team in ASEAN, the eighth in the Asia-Pacific region and the 46th in the world to be recognised as an INSARAG Heavy Urban Search and Rescue Team in 2016, placing it among the world's elite rescue teams.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	SMART diharap dapat kekalkan status Heavy USAR antarabangsa
PAUTAN	https://tinyurl.com/y4vmj2fz

MALAYSIA

SMART diharap dapat kekalkan status Heavy USAR antarabangsa - TPM Zahid

Bernama
01/08/2026 | 12:00 MYT



Ditubuhkan pada 1 Ogos 1995, SMART lahir susulan tragedi runtuhan Kondominium Highland Towers pada Disember 1993 yang membuka mata kerajaan tentang keperluan mendesak untuk memiliki pasukan penyelamat terlatih dan khusus bagi menangani bencana besar.

Advertisement

KUALA LUMPUR: Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) diharap dapat terus melakar kejayaan dengan memperoleh pensijilan semula sebagai Pasukan Heavy Urban Search and Rescue (Heavy USAR).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, pengiktirafan melalui Kumpulan Penasihat Mencari dan Menyelamat Antarabangsa (INSARAG) External Reclassification (IER) itu akan dapat terus memperkukuh pengiktirafan antarabangsa, sekali gus mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	SMART diharap dapat kekalkan status Heavy USAR antarabangsa
PAUTAN	https://tinyurl.com/y4vmj2fz

Kabinet setuju kajian Laporan RCI Tabung Haji dilanjutkan ketika era kerajaan PH, PN

Oleh Fareez Azman dan Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid - Julai 31, 2026 @ 9:22pm



JEMPOL: Jemaah Menteri bersetuju supaya sela waktu dapatan kajian Laporan Siasatan Suruhanjaya Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) dilanjutkan meliputi era pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata keputusan diambil kerana kerajaan lebih terbuka dalam memastikan usaha komprehensif dapat dilakukan ke arah memulihkan institusi berkenaan.

"Kabinet bersetuju agar jeda waktu RCI ini dilanjutkan bukan sehingga 2020 tapi dibuat ketika kerajaan Pakatan Harapan 1.0 dan kerajaan Perikatan Nasional 1.0," katanya dalam sidang media selepas Sesi Ramah Mesra Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Terbuka Kampung Taman Jaya, Bahau hari ini.

Ahmad Zahid berkata, semua menteri daripada Barisan Nasional (BN) menyokong tindakan siasatan secara telus dilakukan sekiranya wujud salah laku sehingga menyebabkan kerugian kepada TH.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Kabinet setuju kajian RCI TH dilanjutkan ketika era kerajaan PH dan PN
PAUTAN	https://tinyurl.com/mwknbf7h

Jempol: Jemaah Menteri bersetuju supaya sela waktu dapatan kajian Laporan Siasatan Suruhanjaya Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) dilanjutkan meliputi era pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, berkata perkembangan terkini itu lebih terbuka dalam memastikan usaha komprehensif dapat dilakukan ke arah memulihkan institusi itu.

"Kabinet bersetuju agar jeda waktu RCI ini dilanjutkan bukan sehingga 2020 tapi dibuat ketika kerajaan Pakatan Harapan 1.0 dan kerajaan Perikatan Nasional 1.0," katanya.

Beliau berkata, semua menteri daripada Barisan Nasional (BN) menyokong tindakan siasatan secara telus dilakukan sekiranya wujud salah laku sehingga menyebabkan kerugian kepada TH.

"Mutakhir apabila Perdana Menteri menghadapkan laporan RCI mengenai TH didedahkan, ia mendapat dukungan semua lapan menteri daripada BN.

"Malah ketika menyarankan jika ada individu tokoh terbabit di dalam penyelewengan, atau pecah amanah pengubahan wang haram atau kesalahan jenayah, maka mereka hendaklah dibawa ke muka pengadilan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Malaysia Gazette
TAJUK	Kabinet setuju perluas siasatan RCI TH hingga era PH 1.0, PN
PAUTAN	https://tinyurl.com/5y6kucec

Kabinet setuju perluas siasatan RCI TH hingga era PH 1.0, PN – Ahmad Zahid

Oleh **Reza A Hamid** - 31 July 2026



Ahmad Zahid Hamidi

JEMPOL – Lapan menteri Barisan Nasional (BN) dalam Kabinet bersetuju supaya skop siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Tabung Haji (TH) diperluaskan sehingga meliputi tempoh pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) 1.0 dan Perikatan Nasional (PN) 1.0.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan itu dibuat bagi memastikan siasatan dijalankan secara menyeluruh dan tidak terhad kepada tempoh sehingga tahun 2020 sahaja.

Menurutnya, cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya laporan RCI Tabung Haji didedahkan sebelum ini juga telah mendapat sokongan daripada lapan menteri Barisan Nasional (BN) yang menganggotai Kabinet.

"Malah kita telah menyarankan agar jika ada individu dan tokoh yang terlibat di dalam penyelewengan atau pecah amanah ataupun melakukan penggubalan wang haram atau mana-mana kesalahan jenayah dibawa ke muka pengadilan.

"Mereka juga telah bersetuju dengan saranan kita untuk laporan ini dibentangkan di Parlimen di mana pada 11 Ogos ini pembentangan itu akan dibuat.

"Kabinet (8 Menteri BN) juga telah bersetuju agar jeda (masa antara) waktu siasatan dalam RCI ini dilanjutkan bukan hanya sekadar pada tahun 2020 tetapi hendaklah dibuat ketika kerajaan PH 1.0 dan Kerajaan Perikatan Nasional 1.0," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Sesi Ramah Mesra Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Terbuka Kampung Taman Jaya, Bahau, di sini, petang tadi.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi BN berkata, persetujuan siasatan dalam isu RCI Tabung Haji itu menunjukkan satu keterbukaan yang sangat baik.

"Pada hemat saya ini sangat baik demi kepentingan negara kita harus bersama-sama," katanya. – MalaysiaGazette

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Malaysia Post
TAJUK	RCI Tabung Haji: Zahid mahu tindakan tegas terhadap pesalah
PAUTAN	https://tinyurl.com/yp3pbv2n

MALAYSIA POST
BEBAS • BERETIKA

UTAMA POLITIK + BERITA + SUKAN SENI & HIBURAN Lagi +

BARISAN Nasional (BN) tegas mahu pihak yang didapati terbabit dengan kesalahan seperti mana terdapat dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Tabung Haji diheret ke muka pengadilan.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, sebarang unsur penyelewengan, pecah amanah, penggubahan wang haram atau jenayah lain yang dikenal pasti menerusi siasatan perlu dibawa ke mahkamah tanpa mengira siapa yang terbabit.

Menurutnya, pendirian itu selaras dengan sokongan penuh BN terhadap keputusan Kerajaan Perpaduan menyiarkan laporan RCI Tabung Haji bagi memastikan isu berkenaan ditangani secara telus.

"Jika siasatan mendapati wujud perlakuan jenayah, maka pihak yang bertanggungjawab mesti dihadapkan ke muka pengadilan mengikut lunas undang-undang," katanya pada sidang media selepas menghadiri program di Dewan Undangan Negeri (DUN) Jeram Padang, Jempol hari ini.

Beliau berkata, semua lapan menteri daripada BN dalam Kabinet turut menyokong cadangan Perdana Menteri supaya laporan RCI itu didedahkan kepada umum.

Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri turut memaklumkan laporan berkenaan dijadual dibentangkan di Parlimen pada 11 Ogos ini bagi membolehkan Ahli Parlimen meneliti dapatan suruhanjaya secara terbuka.

Pada masa sama, katanya, Kabinet bersetuju supaya skop siasatan diperluaskan dan tidak dihadkan kepada tempoh tertentu sahaja.

Jelas beliau, siasatan turut merangkumi era pentadbiran Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) bagi memastikan penelitian dibuat secara menyeluruh serta adil.

Mengulas kerjasama politik, Ahmad Zahid berkata pertandingan antara BN dan PH pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan tidak akan menjejaskan hubungan kedua-dua gabungan dalam Kerajaan Perpaduan di peringkat Persekutuan.

Katanya, BN kekal berpegang kepada komitmen menyokong kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri sehingga tamat penggal pentadbiran.

ARTIKEL TERBAHARU


Ustaz Harryanto Rizal dikejarkan ke Hospital Sungai Buloh, dirawat di Zon Merah
AGAMA 31/07/2026


Muhyiddin cadang sidang khas Parlimen RCI Tabung Haji dilanjut dua hari
BERITA 31/07/2026


Pegawai khas Orang Asli di pejabat MB jika BN menang Negeri Sembilan – Zahid
BERITA UTAMA 31/07/2026


Rohingya hanya wajar dihantar pulang jika keselamatan dan hak mereka terjamin- Alkhair
BERITA 31/07/2026


Anwar yakin PH kekal terajui Negeri Sembilan
POLITIK 31/07/2026

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Kabinet setuju kajian RCI TH dilanjutkan ke era PH, PN
PAUTAN	https://tinyurl.com/23ppmbw3

Kabinet setuju kajian RCI TH dilanjutkan ke era PH, PN

Local | Politics | 31 Jul 2026 • 9:55 PM MYT

Utusan Online
Berita terkini, tepat dan dipercayai daripada Utusan Malaysia

JEMPOL: Jemaah Menteri bersetuju agar tempoh siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Lembaga Tabung Haji (TH) dilanjutkan sehingga meliputi era pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan itu mencerminkan keterbukaan kerajaan dalam memastikan siasatan dijalankan secara lebih menyeluruh demi memulihkan keyakinan terhadap institusi berkenaan.

Menurutnya, Kabinet bersetuju supaya tempoh siasatan tidak hanya terhad sehingga tahun 2020, sebaliknya turut merangkumi tempoh pentadbiran PH 1.0 dan PN 1.0.

"Jemaah Menteri bersetuju agar tempoh RCI ini dilanjutkan, bukan hanya sehingga tahun 2020, tetapi turut meliputi era kerajaan PH 1.0 dan kerajaan PN 1.0. Pada hemat saya, ini merupakan satu keterbukaan yang amat baik," katanya

Beliau ditemui selepas menghadiri Sesi Ramah Mesra Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Terbuka Kampung Taman Jaya, Bahau, di sini hari ini.

Beliau berkata, semua lapan menteri daripada Barisan Nasional (BN) turut menyokong pendedahan laporan RCI itu serta siasatan dilakukan secara telus sekiranya terdapat unsur penyelewengan atau salah laku.

"Apabila Perdana Menteri mendedahkan laporan RCI mengenai TH, ia mendapat dokongan daripada semua lapan menteri BN.

"Kami juga mencadangkan supaya sekiranya terdapat mana-mana individu atau tokoh yang terlibat dalam penyelewengan, pecah amanah, pengubahan wang haram atau apa-apa kesalahan jenayah, mereka hendaklah dibawa ke muka pengadilan," katanya.-UTUSAN

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Kabinet setuju kajian RCI TH dilanjutkan ke era PH, PN
PAUTAN	https://tinyurl.com/23ppmbw3

Kabinet setuju kajian RCI TH dilanjutkan ke era PH, PN

Local | Politics 31 Jul 2026 • 9:55 PM MYT

Utusan Online
Berita terkini, tepat dan dipercayai daripada Utusan Malaysia



JEMPOL: Jemaah Menteri bersetuju agar tempoh siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Lembaga Tabung Haji (TH) dilanjutkan sehingga meliputi era pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan itu mencerminkan keterbukaan kerajaan dalam memastikan siasatan dijalankan secara lebih menyeluruh demi memulihkan keyakinan terhadap institusi berkenaan.

Menurutnya, Kabinet bersetuju supaya tempoh siasatan tidak hanya terhad sehingga tahun 2020, sebaliknya turut merangkumi tempoh pentadbiran PH 1.0 dan PN 1.0.

"Jemaah Menteri bersetuju agar tempoh RCI ini dilanjutkan, bukan hanya sehingga tahun 2020, tetapi turut meliputi era kerajaan PH 1.0 dan kerajaan PN 1.0. Pada hemat saya, ini merupakan satu keterbukaan yang amat baik," katanya

Beliau ditemui selepas menghadiri Sesi Ramah Mesra Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Terbuka Kampung Taman Jaya, Bahau, di sini hari ini.

Beliau berkata, semua lapan menteri daripada Barisan Nasional (BN) turut menyokong pendedahan laporan RCI itu serta siasatan dilakukan secara telus sekiranya terdapat unsur penyelewengan atau salah laku.

"Apabila Perdana Menteri mendedahkan laporan RCI mengenai TH, ia mendapat dokongan daripada semua lapan menteri BN.

"Kami juga mencadangkan supaya sekiranya terdapat mana-mana individu atau tokoh yang terlibat dalam penyelewengan, pecah amanah, pengubahan wang haram atau apa-apa kesalahan jenayah, mereka hendaklah dibawa ke muka pengadilan," katanya.-UTUSAN

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan TV
TAJUK	RCI Tabung Haji: Semua yang terlibat perlu dibawa ke muka pengadilan
PAUTAN	https://tinyurl.com/36cpbhx9

RCI Tabung Haji: Semua yang terlibat perlu dibawa ke muka pengadilan – Ahmad Zahid

By Izzat Nasuruden | 31/07/2026

Share



Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menunjukkan kemahiran membuat teh tarik ketika hadir ke program ramah mesra bersama pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jeram Padang di Dewan Terbuka Kampung Taman Jaya, Bahau, hari ini. GAMBAR: Abd Razak Aid

MANA-MANA individu yang didapati terlibat dalam penyelewengan, pecah amanah, penggubahan wang haram atau kesalahan jenayah lain berkaitan isu Tabung Haji perlu dibawa ke muka pengadilan susulan pendedahan laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pendirian itu selari dengan sokongan Barisan Nasional (BN) terhadap langkah Kerajaan Perpaduan mendedahkan laporan RCI Tabung Haji demi memastikan segala salah laku yang berlaku disiasat secara telus dan menyeluruh.

"Ini termasuk yang mutakhir apabila Perdana Menteri mencadangkan laporan RCI mengenai Tabung Haji didedahkan dan ia mendapat dokongan daripada lapan menteri Barisan Nasional.



Izzat Nasuruden

Penulis merupakan ***wartawan*** di UtusanTV dengan pengalaman ***11 tahun*** dalam dunia kewartawanan sama ada media cetak mahu pun digital. Sebelum menyertai UtusanTV pada ***Januari 2022***, penulis pernah bertugas di beberapa syarikat media arus perdana dan portal berita lain sejak ***2015***. Sepanjang kerjaya, penulis telah menulis dan membuat liputan tentang pelbagai isu seperti ***jenayah***, ***politik***, ***perkembangan semasa*** dan ***hiburan***.

Berkaitan



Bisnes Afiq Mohd. Shah · 03/08/2026

Perodua kurangkan harga Axia sehingga RM4,700 serta-merta



Berita

Tiada masalah BN-PN menang PRU-16 jika kerjasama diteruskan – Penganalisis

Afiq Mohd. Shah · 03/08/2026



Berita

Tiada jemaah haji Malaysia masih berada di Arab Saudi

Afiq Mohd. Shah · 03/08/2026



Berita

Penuntut wanita IPTS maut rempuh Triton selepas hadiri RXZ Members 8.0

Afiq Mohd. Shah · 03/08/2026



Berita


Lampu jalan solar lebih sesuai di lokasi jauh daripada grid bekalan elektrik

Afiq Mohd. Shah · 03/08/2026

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	Kabinet setuju luas siasatan RCI Tabung Haji libatkan era PH, PN
PAUTAN	https://tinyurl.com/w6a4aedw



JEMPOL: Jemaah Menteri bersetuju memperluaskan skop siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Lembaga Tabung Haji (TH) dengan melanjutkan tempoh kajian sehingga merangkumi era pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN). Islam

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan itu mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan siasatan dijalankan secara menyeluruh, telus dan tanpa melindungi mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan.

Menurut beliau, Kabinet bersetuju agar tempoh siasatan tidak dihadkan sehingga tahun 2020 sahaja, sebaliknya diperluaskan bagi meliputi pentadbiran PH 1.0 dan PN 1.0.

"Kerajaan mengambil pendekatan lebih terbuka supaya usaha memulihkan institusi Tabung Haji dapat dilaksanakan secara komprehensif," katanya pada sidang media selepas menghadiri Sesi Ramah Mesra Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Terbuka Kampung Taman Jaya, Bahau, hari ini.

Ahmad Zahid berkata, kesemua lapan menteri Barisan Nasional (BN) dalam Jemaah Menteri turut menyokong penuh tindakan meneruskan siasatan secara telus sekiranya terdapat unsur penyelewengan, pecah amanah, pengubahan wang haram atau kesalahan jenayah lain yang menyebabkan kerugian kepada Tabung Haji.

Beliau menegaskan, mana-mana individu yang didapati terbabit perlu dibawa ke muka pengadilan tanpa mengira kedudukan atau latar belakang.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan Kabinet turut bersetuju supaya Laporan RCI berhubung Tabung Haji dibentangkan di Parlimen pada 11 Ogos bagi membolehkan ia diteliti secara terbuka.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Suara Sarawak
TAJUK	Kabinet cadang tempoh dapatan kajian laporan RCI TH liputi pengambilalihan oleh pengurusan baharu
PAUTAN	https://tinyurl.com/y3nxrcx2



kredit JAKIM

Kabinet Cadang Tempoh Dapatan Kajian Laporan RCI TH Liputi Pengambilalihan Oleh Pengurusan Baharu – Ahmad Zahid

Bernama Ogos 1, 2026 NASIONAL 8:52 pm

Facebook Twitter LinkedIn WhatsApp Telegram

JOM BACA E-PAPER SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE PERCUMA SEAWAL 2 PAGI SETIAP HARI. KLIK SINI Rujukan Geografi

SEREMBAN: Jemaah Menteri mencadangkan supaya tempoh dapatan kajian Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) turut meliputi tempoh pengambilalihan institusi oleh pengurusan baharu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata ia bagi membolehkan usaha pemulihan yang dilaksanakan selepas tempoh siasatan turut dinilai.

"Jemaah Menteri telah mencadangkan agar jeda waktu untuk dapatan kajian ini dilanjutkan bukan hanya hingga 2022, tetapi dilanjutkan dari 2014 hingga 2022, dan 2022 hingga apabila pengurusan dan kepengerusian baharu TH mengambil alih.

"Ini adalah bagi memperlihatkan agar usaha-usaha pemulihan dengan antaranya penstrukturan aset, pencairan aset dan lain-lain langkah untuk memulihkan TH itu benar-benar telah dilaksanakan berdasarkan pada syor-syor yang telah dibuat oleh Laporan RCI mengenai TH," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan penutup Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET MARA Negeri Sembilan 2026 di sini hari ini yang turut dihadiri Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata Jemaah Menteri turut bersetuju Laporan RCI TH didedah kepada umum dan dibentangkan dalam sidang khas Parlimen untuk dibahaskan.

Beliau berkata Jemaah Menteri turut berharap langkah-langkah pemulihan dapat dilakukan sebagai tanda komitmen kerajaan dalam memastikan pendeposit TH memperolehi pulangan yang sewajarnya, sekali gus mengurangkan kos menunaikan ibadah haji.

"Kita tahu bahawa kos melakukan ibadah haji sekarang telah meningkat dan kita tahu bahawa kalau dulu RM9,980 bagi setiap jemaah tetapi sekarang ini jumlah itu telah meningkat disebabkan peningkatan kos penerbangan, ground handling hotel dan sebagainya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Sasar Orang Asli jadi komuniti pribumi paling maju
PAUTAN	https://tinyurl.com/y3az6xps

Sasar Orang Asli jadi komuniti pribumi paling maju

JEMPOL – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyasarkan masyarakat Orang Asli di Malaysia menjadi antara komuniti pribumi paling maju di Asia Tenggara menerusi penekanan terhadap pendidikan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata, usaha berkenaan menjadi keutamaan kementeriannya sejak beliau diamanahkan menerajui portfolio itu, termasuk memperkukuh kedudukan masyarakat Orang Asli melalui penambahbaikan dasar dan perundangan.

Menurutnya, pindaan terhadap Akta Orang Asli turut diusahakan bagi memastikan komuniti itu menerima lebih banyak manfaat dan bantuan daripada kerajaan.

"Kalau kita mahu melihat masyarakat Orang Asli maju, kita mesti memajukan mereka melalui pendidikan. Pada masa sama, kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan rumah yang lebih baik juga mesti disediakan," katanya ketika berucap pada Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat Kampung Orang Asli di sini pada Jumaat.

Menurut Ahmad Zahid, sasaran meningkatkan penyertaan pelajar Orang Asli ke institusi pengajian tinggi berjaya dicapai malah melepasi jangkaan setiap tahun.

Katanya, pada 2023 beliau menetapkan sasaran 300 pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian ke universiti dan jumlah itu berjaya direalisasikan.

"Pada 2024 saya cadangkan 400 orang, tetapi seramai 500 pelajar berjaya memasuki universiti. Bagi tahun 2026 pula, sasaran saya ialah 500 orang, namun seramai 642 pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

"Ini membuktikan masyarakat Orang Asli mampu berjaya sekiranya diberikan peluang dan sokongan yang sewajarnya," ujarnya.

Beliau turut memaklumkan empat pelajar dari Kampung Orang Asli Batu Peti berjaya melanjutkan pengajian ke universiti, sekali gus disifatkan sebagai pencapaian membanggakan yang wajar menjadi inspirasi kepada generasi muda di penempatan itu.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid turut mencadangkan supaya lebih ramai anak Orang Asli diberikan peluang memegang jawatan penting termasuk sebagai pegawai khas berkaitan hal ehwal masyarakat Orang Asli di peringkat kerajaan negeri agar suara komuniti itu dapat diangkat dengan lebih berkesan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Olek salai, resepi keluarga produk tradisi Negeri Sembilan
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc748b2s

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV3
TAJUK	Laporan RCI TH: Kabinet setuju kajian dilanjutkan ketika era PH & PN
PAUTAN	https://tinyurl.com/39fpup7k

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 1 – 2 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Ceramah tingkat kesedaran keselamatan kebakaran pelatih GIATMARA Keningau
PAUTAN	https://tinyurl.com/8ufbujsu



MOTIVASI: Jamidol merakamkan gambar kenangan bersama semasa program terbabit.

Ceramah tingkat kesedaran keselamatan kebakaran pelatih GIATMARA Keningau

KENINGAU: Seramai 10 pelatih GIATMARA Keningau menyertai Program Ceramah Keselamatan Kebakaran, Demonstrasi dan Latihan Pengungsian Bangunan yang diadakan di Mini Dewan Dumpoi, di sini.

Program dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Keningau itu memberi pendedahan kepada pelatih mengenai aspek keselamatan kebakaran serta tindakan yang perlu diambil ketika berdepan situasi kecemasan.

Ceramah disampaikan Pegawai Bomba, Kent Madin yang berkongsi pengetahuan mengenai punca kebakaran, langkah pencegahan dan prosedur keselamatan.

Selain sesi ceramah, pelatih turut mengikuti demonstrasi penggunaan alat pemadam api bagi mempelajari teknik penggunaan yang betul dan selamat untuk mengawal kebakaran pada peringkat awal.

Peserta juga menjalani latihan pengungsian bangunan sebagai persediaan menghadapi kecemasan.

Latihan itu bertujuan menguji tahap kesiapsiagaan pelatih selain memberi panduan mengenai laluan keluar yang selamat serta prosedur berkumpul di kawasan yang ditetapkan.

Pengurus GIATMARA Keningau, Jamidol Alip berkata, program seumpama itu penting bagi meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan pelatih terhadap aspek keselamatan.

Katanya, pengetahuan berkaitan pencegahan kebakaran dan tindakan awal mampu membantu mengurangkan risiko sekiranya berlaku kejadian tidak diingini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada JBPM Daerah Keningau, khususnya Kent Madin, atas kerjasama serta perkongsian ilmu sepanjang program berkenaan.

Menurutnya, usaha berterusan melalui program seumpama itu dapat memastikan warga GIATMARA sentiasa peka, bersedia dan mampu bertindak dengan pantas serta teratur ketika menghadapi kecemasan.